

PEMBELAJARAN INFORMAL DALAM KALANGAN
GURU BUKAN OPSYEN BAHASA MELAYU DI SEKOLAH MENENGAH
HARIAN

JULIYANA BINTI SELAMAT

Laporan projek ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat
penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan Teknikal
(Rekabentuk Instruksional dan Teknologi)

Fakulti Pendidikan Teknikal
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

JULAI 2016

DEDIKASI

“Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang”

Syukur ke hadrat Allah dengan limpah kurnianya, maka dapatlah Projek Sarjana ini dihasilkan.

Buat suami Tercinta,
Zubaile bin Abdullah

Dan
Permata hati yang disayangi,
**Sabrina Sasha Izzati, Irfan Izzat Khilfi, Elena Ezrin Izzati, Irfan Syahmi
Iskandar dan Irfan Zahrin Nazriel**

Semoga semangat cekal ibumu ini menjadi inspirasi kalian,

Dan
Terima kasih kerana sentiasa memahami dan memberi sokongan

Serta
Ahli keluarga dan sahabat seperjuangan MBT
Doa dan sokongan kalian sangat dihargai.

Buat Penyelia yang dihormati, disanjung, sentiasa memahami, sentiasa bertoleransi

Dr. Jamil bin Abdul Baser

Terima kasih di atas segala ilmu, tunjuk ajar, nasihat, dorongan, masa yang diluangkan tanpa jemu mengajar, mendidik....

Semoga Allah sahaja yang membalasnya

PENGHARGAAN

“Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang”

Syukur yang tidak terhingga ke hadrat Ilahi atas kekuatan yang dianugerahkan sehingga dapat menyiapkan kajian ini dengan jayanya. Setinggi-tinggi penghargaan kepada Dr Jamil bin Abdul Baser selaku pembimbing yang telah banyak memberikan tunjuk ajar, sokongan, dorongan, bimbingan serta motivasi yang tidak ternilai harganya sepanjang tempoh kajian ini. Terima kasih juga yang tidak ternilai buat panel penilai Dr Marlina binti Mohamad dan Dr Azita binti Ali atas segala teguran dan komen yang membina sehingga terhasilnya tesis ini.

Sekalung penghargaan kepada guru-guru bukan opsyen di Sekolah Menengah Harian Daerah Batu Pahat yang telah memberikan kerjasama yang sepenuhnya sepanjang proses memungut data. Terima kasih juga kepada pensyarah-pensyarah di Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional , UTHM, teman-teman sekelas yang sentiasa membantu serta semua individu yang terlibat secara langsung mahupun tidak sepanjang kajian ini dijalankan.

Diharap kajian ini dapat memberikan manfaat kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dalam bidang pendidikan agar dapat membantu proses pengajaran dan pembelajaran menjadi lebih baik, bermakna dan berkesan.

Akhir sekali teristimewa untuk keluarga dan sahabat-sahabat yang telah banyak memberikan sokongan, dorongan , bantuan tanpa mengira masa dan ketika. Budi dan jasa kalian hanya Allah yang membalasnya. Sesungguhnya kalian amat menyumbang dalam menghasilkan kajian ini. Terima kasih semua.

ABSTRAK

Pembelajaran Informal mempunyai beberapa kaedah, antaranya, merujuk kepada bahan bacaan, merujuk kepada penggunaan media elektronik, merujuk kepada bertanya kepada yang lebih mahir, merujuk kepada kaedah pemerhatian dan merujuk kepada kaedah membuat rujukan. Maka, kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti kaedah Pembelajaran Informal yang paling dominan yang diamalkan dalam kalangan guru bukan opsyen mata pelajaran bahasa Melayu, mengenal pasti sumbangannya dari aspek pengetahuan, kemahiran dan sikap serta mengkaji perbezaan kaedah Pembelajaran Informal berdasarkan jantina dan pengalaman mengajar. Kajian ini melibatkan seramai 118 orang guru bukan opsyen bahasa Melayu di Sekolah Menengah Harian Daerah Batu Pahat. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif yang melibatkan analisis deskriptif dan inferensi yang menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian. Data yang dikumpul dianalisis menggunakan perisian *SPSS version 21.0*. Hasil dapatan daripada kajian yang dijalankan, kaedah pembelajaran informal yang paling dominan yang diamalkan oleh guru bukan opsyen bahasa Melayu ialah kaedah pembelajaran informal merujuk kepada bertanya dengan min 4.57. Dapatan juga mendapati sumbangan pembelajaran informal terhadap guru tersebut dari aspek pengetahuan (min=4.43), kemahiran berfikir (min=4.40) dan sikap (min=4.40) berada pada tahap interpretasi skor min yang tinggi dan hasil dapatan juga menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan berdasarkan jantina dan pengalaman mengajar terhadap pembelajaran informal bagi guru-guru tersebut. Kesimpulannya, guru perlu sentiasa bersedia untuk mengajar dan pembelajaran informal merupakan cara alternatif untuk guru mendalami sesuatu disiplin ilmu di samping memudahkan guru menyampaikan pengajaran yang berkualiti.

ABSTRACT

Informal Learning consists of several methods, which include referring to reading materials, electronic media, enquiry, observation, as well as referring to external references. This research involves 118 non-option Malay Language teachers in secondary schools within Batu Pahat district. This research utilizes quantitative method which involves descriptive analysis and inference with the objectives to identify the most dominant method of Informal Learning practised among non-option Malay Language teachers, to determine its contribution towards the aspects of knowledge, competence and attitude of the teachers, and also to discover the difference of the usage of Informal Learning method according to gender and teaching experience. Among the findings from the research is the most dominant method of Informal Learning practised by non-option Malay Language teachers is by enquiry with the min of 4.57. The research also discovered a significant contribution of Informal Learning towards these teachers from the aspects of knowledge (4.43), thinking skills (4.40) and attitude (4.40). Another findings of this research indicated that there is no significant difference of Informal Learning practice when factoring in gender and teaching experience. As a conclusion, teachers need to always be prepared to teach and Informal Learning is an alternative method for teachers to develop their knowledge within a particular discipline as well as facilitating them towards higher quality of teaching.

KANDUNGAN

	PENGESAHAN STATUS TESIS	
	PENGESAHAN PENYELIA	
	TAJUK	i
	PENGAKUAN	ii
	DEDIKASI	iii
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vi
	SENARAI KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	xi
	SENARAI RAJAH	xv
	SENARAI SINGKATAN	xvi
	SENARAI LAMPIRAN	xvii
BAB 1	PENDAHULUAN	1
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar Belakang Masalah	4
	1.3 Penyataan Masalah	11
	1.4 Objektif Kajian	12
	1.5 Persoalan Kajian	12
	1.6 Skop Kajian	13
	1.7 Kepentingan Kajian	13
	1.8 Kerangka Konsep Kajian	15
	1.9 Definisi Operasional	16
	1.10 Rumusan	18
BAB 2	KAJIAN LITERATUR	20
	2.1 Pengenalan	20
	2.2 Pembelajaran	21

2.3	Teori Pembelajaran	22
2.3.1	Teori Konsruktivisme	23
2.3.2	Teori Pembelajaran Informal	24
2.3.3	Kaedah Pembelajaran Informal dengan Membaca Buku atau Bahan Bercetak	26
2.3.4	Kaedah Pembelajaran Informal dengan Penggunaan Media Elektronik	28
2.3.5	Kaedah Pembelajaran Informal dengan Bertanya Kepada yang Lebih Mahir	27
2.3.6	Kaedah Pembelajaran Informal dengan Pemerhatian	29
2.3.7	Kaedah Pembelajaran Informal dengan MembuatRujukan	29
2.4	Sumbangan Pembelajaran Informal	30
2.4.1	Sumbangan Pembelajaran Informal terhadap Pengetahuan	30
2.4.2	Sumbangan Pembelajaran Informal terhadap Kemahiran	31
2.4.3	Sumbangan terhadap Sikap	31
2.5	Permasalahan Guru dalam Perlaksanaan Proses Pengajaran dan Pembelajaran	32
2.6	Pembelajaran Informal Guru Berdasarkan Faktor Pengalaman	33
2.7	Pembelajaran Informal Guru Berdasarkan Faktor Jantina	34
2.8	Mata Pelajaran Bahasa Melayu	35
2.9	Rumusan	36
BAB 3	METODOLOGI KAJIAN	37
3.1	Pengenalan	37
3.2	Reka Bentuk Kajian	37
3.3	Populasi dan Sampel Kajian	38

3.4	Prosedur Pengumpulan Data	40
3.5	Kerangka Operasi Kajian	40
3.6	Instrumen Kajian	42
3.7	Kajian Rintis	43
3.7.1	Kesahan Muka dan Kandungan	44
3.7.2	Kebolehpercayaan	44
3.8	Kaedah Analisis Data	45
3.8.1	Ujian <i>Mann-Whitney</i>	45
3.9	Rumusan Kajian	47
BAB 4	ANALISIS DAPATAN KAJIAN	49
4.1	Pengenalan	49
4.2	Analisis demografi responden	50
4.2.1	Taburan responden mengikut jantina	50
4.2.2	Taburan responden mengikut umur	50
4.2.3	Taburan responden mengikut pengalaman mengajar	51
4.2.4	Taburan responden mengikut bidang pengkhususan di universiti	51
4.3	Analisis dapatan kajian	53
4.3.1	Persoalan kajian 1 : Apakah kaedah Pembelajaran Informal yang dominan yang diamalkan dalam kalangan guru bukan opsyen mata pelajaran bahasa Melayu?	53
4.3.2	Persoalan kajian 2 : Apakah tahap sumbangan kaedah Pembelajaran Informal terhadap pengetahuan guru bukan opsyen mata pelajaran bahasa Melayu?	54
4.3.3	Persoalan kajian 3 : Apakah tahap sumbangan	54

	kaedah Pembelajaran Informal terhadap kemahiran guru bukan opsyen mata pelajaran bahasa Melayu?	55
4.3.4	Persoalan kajian 4 : Apakah tahap sumbangan Kaedah Pembelajaran Informal terhadap sikap guru bukan opsyen mata pelajaran bahasa Melayu?	56
4.3.5	Persoalan kajian 5 : Adakah terdapat perbezaan kaedah Pembelajaran Informal dalam kalangan guru bukan opsyen mata pelajaran bahasa Melayu berdasarkan jantina?	57
4.3.6	Persoalan kajian 6 : Adakah terdapat perbezaan kaedah Pembelajaran Informal dalam kalangan guru bukan opsyen mata pelajaran bahasa Melayu berdasarkan pengalaman?	59
4.4	Rumusan	61
BAB 5	PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN	62
5.1	Pengenalan	62
5.2	Perbincangan Dapatan Kajian	62
5.2.1	Rumusan dapatan Objektif 1: Kaedah Pembelajaran Informal yang diamalkan dalam kalangan guru mata pelajaran bahasa Melayu?	63
5.2.2	Rumusan dapatan Objektif 2:	

	Sumbangan kaedah Pembelajaran Informal terhadap kompetensi guru bukan opsyen mata pelajaran bahasa Melayu?	64
5.2.3	Rumusan dapatan Objektif 3: Perbezaan kaedah Pembelajaran Informal dalam kalangan guru bukan opsyen mata pelajaran bahasa Melayu berdasarkan jantina?	65
5.2.4	Rumusan dapatan Objektif 4: Perbezaan kaedah Pembelajaran Informal dalam kalangan guru bukan opsyen mata pelajaran bahasa Melayu berdasarkan pengalaman ?	65
5.3	Cadangan dapatan kajian	67
5.3.1	Pihak Kementerian Pelajaran Malaysia	66
5.3.2	Pihak JPN dan PPD	68
5.3.3	Pihak pentadbir sekolah dan Guru	68
5.4	Cadangan kajian lanjutan	69
5.5	Kesimpulan	70
5.6	Penutup	70
	RUJUKAN	72
	LAMPIRAN	81
	VITAE	117

SENARAI JADUAL

2.1	Definisi Pembelajaran	21
3.1	Populasi dan sampel kajian	41
3.2	Skala likert 5 mata	42
3.3	Bahagian dimensi dalam soal selidik	44
3.4	Interpretasi Skor Alpha Cronbach	45
3.5	Kaedah Analisis data berdasarkan objektif dan persoalan kajian	46
3.6	Interpretasi Skor Min	47
4.1	Analisis responden mengikut jantina	50
4.2	Analisis responden mengikut umur	51
4.3	Analisis responden mengikut pengalaman mengajar	51
4.4	Analisis responden mengikut bidang pengkhususan di universiti	52
4.5	Analisis skor min bagi kaedah pembelajaran informal	53
4.6	Analisis sumbangan Pembelajaran Informal dalam mendapatkan pengetahuan.	54
4.7	Analisis sumbangan Pembelajaran Informal dalam mendapatkan kemahiran berfikir.	55
4.8	Analisis Sumbangan Pembelajaran Informal Terhadap Sikap	56
4.9	Analisis Ujian Mann-Whitney	57
4.10	Analisis Ujian Mann-Whitney	59

SENARAI RAJAH

1.1	Kerangka konsep Pembelajaran Informal	15
3.1	Kerangka Operasi Kajian	39
4.1	Graf taburan responden mengikut jantina	48
4.2	Graf taburan responden mengikut umur	49
4.3	Graf taburan responden mengikut pengalaman mengajar	50
4.4	Graf taburan responden mengikut bidang pengkhususan di universiti	51

SENARAI SINGKATAN

SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
GPS	Gred Purata Sekolah
PT3	Pentaksiran Tingkatan 3
P&P	Pengajaran dan Pembelajaran
APDM	Aplikasi Pengkalan Data Murid
SPBT	Skim Pinjaman Buku Teks
IPTA	Institutusi Pengajian Tinggi Awam
IPTS	Institutusi Pengajian Tinggi Swasta

SENARAI LAMPIRAN

A	Set Temubual	81
B	Analisis Bilangan Guru	86
C	Kebenaran merujuk Soal Selidik	87
D	Borang Soal Selidik	88
E	Borang Pengesahan Soal Selidik	96
F	Lampiran Statistik	108
G	Kebenaran Menjalankan Kajian Akademik (Fakulti)	114
H	Kebenaran Menjalankan Kajian Akademik (KPM)	115
I	Carta Gantt	116

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Pembelajaran yang berlaku selepas zaman persekolahan dikenali sebagai pembelajaran orang dewasa dan ianya boleh berlaku secara formal, non-formal dan informal. Istilah pembelajaran informal telah lama diperkenalkan oleh beberapa ahli falsafah pendidikan. Pembelajaran informal adalah sebahagian daripada pembelajaran sepanjang hayat. Eraut (2004), mentakrifkan bahawa pembelajaran informal merupakan kunci kepada pembelajaran sepanjang hayat atau pembelajaran orang dewasa yang juga merupakan pembelajaran bilik darjah. Ia merupakan pembelajaran yang tidak berstruktur dan dikawal sepenuhnya oleh pelajar. Pelajar bebas menentukan corak pembelajaran mereka sendiri. Justeru pembelajaran yang dikawal sepenuhnya oleh pelajar, mengaitkan pembelajaran informal dengan pembelajaran arahan sendiri (self-directed learning).

Pembelajaran informal yang bersifat bebas, santai dan berdikari dalam persekitaran semula jadi ini merupakan suatu yang rutin dan nyata. Pembelajaran ini boleh dikatakan sebagai 'pembelajaran sebenar'. Hal ini kerana menurut Candy (1991), pelajar lazimnya akan menggabungkan sumber-sumber dalam persekitaran semula jadi mereka dengan sumber-sumber daripada institusi/organisasi serta rakan-rakan yang membantu di dalam proses pembelajaran mereka. Umumnya, penglibatan orang dewasa dalam pembelajaran informal adalah untuk memperoleh pengetahuan baru, mengubah sikap sedia ada dan menambah kemahiran mereka (KPM, 2013). Justeru itu, pekerja di dalam sesebuah organisasi akan menggunakan pelbagai

peluang dan kesempatan seperti seminar, persidangan, menonton video, mentoring, berinteraksi, membaca majalah dan jurnal, memperoleh maklumat menerusi komputer dan sebagainya untuk tujuan pembelajaran tersebut.

Nik Mahmud (2005), Abdullah (2006) dan Omar (2006) menyatakan bahawa perkara-perkara yang dipelajari secara informal di tempat kerja boleh dibahagikan kepada lapan bahagian iaitu mengenai prestasi tugas, prestasi peranan dan tanggungjawab, kesedaran dan pemahaman tentang pekerjaan, pengetahuan dan kemahiran akademik, pembangunan individu, kerjasama, membuat keputusan, penyelesaian masalah dan penilaian. Cullen *et al.*, (2000) menyatakan pembelajaran informal boleh memberi kesan terhadap domain yang berbeza antaranya di peringkat ekonomi dan profesional, pendidikan dan juga boleh menyumbang kepada peningkatan dalam alam pekerjaan individu. Ini membuktikan bahawa pembelajaran informal di organisasi dapat meningkatkan kemahiran, pengetahuan dan seterusnya memastikan mereka berupaya menghadapi pelbagai cabaran dalam kehidupan.

Menurut Conner (2003), pembelajaran secara informal juga berlaku di tempat kerja yang mana ia merupakan sebahagian daripada aktiviti seharian pekerja. Pembelajaran informal adalah pembelajaran spontan, pembelajaran yang tidak berstruktur dan berlaku hampir setiap hari. Pembelajaran ini berlaku sama ada secara disadari atau tidak, ia selari dengan kajian Marsick dan Watkins (2001) yang menyatakan pembelajaran informal bermula di tempat kerja. Selain itu pembelajaran informal juga boleh berlaku di perpustakaan, kantin, makmal dan sebagainya. Marcia (2004) menyatakan bahawa lokasi di mana pembelajaran informal boleh berlaku adalah di mana sahaja dan pada bila-bila masa.

Pembelajaran informal penting bagi meningkatkan prestasi di tempat kerja. Pengetahuan serta kejayaan secara berterusan dapat di tingkatkan dalam membantu pembangunan professional guru terhadap pembelajaran Informal, Caspi dan Blau (2008). Umumnya setiap guru dibekalkan dengan segala persediaan untuk mengajar termasuk mempunyai penerapan motivasi yang tinggi untuk berhadapan dengan dunia pendidikan. Othman *et al.*, (2007) menekankan bahawa kualiti guru meningkat bagi guru yang mengamalkan pembelajaran informal terutamanya guru baharu walaupun mereka telah melalui proses latihan yang sempurna di Institusi Pendidikan. Pembelajaran informal menjadikan seseorang lebih berdaya saing dan

berpengetahuan dalam bidang yang diceburinya. Guru juga boleh meningkatkan keyakinan diri dalam profession mereka disamping dapat meningkatkan kualiti kerja.

Menurut kajian, pembelajaran informal dalam kalangan masyarakat Melayu adalah bagi memenuhi tuntutan agama, pengaruh budaya dan memenuhi tanggungjawab sosial. Aziz (2000) berpendapat pembelajaran dan tradisi menuntut ilmu adalah dituntut dalam Islam. Justeru, budaya menuntut ilmu adalah budaya yang diamalkan sejak kedatangan Islam ke rantau ini. Aktiviti pembelajaran tidak formal dalam masyarakat berkembang dari semasa ke semasa selaras dengan perkembangan yang berlaku ke atas Tanah Melayu itu. Pembelajaran informal dalam kalangan orang melayu Islam adalah memenuhi tuntutan agama dan budaya yang mementingkan ilmu. Mohamad (2004) mendapati bahawa pembelajaran informal merujuk kepada aktiviti keagamaan yang dilaksanakan di rumah-rumah ibadah seperti masjid. Pendapat ini selari dengan kajian Stein dan Imel (2002) yang mengatakan bahawa pembelajaran informal berkait rapat dengan aspek keagamaan dan kehidupan seharian.

Guru merupakan kerjaya yang sungguh mencabar dekad ini. Dengan terlaksananya pelbagai reformasi dalam pendidikan sudah pasti menjadikan tugas dan beban guru lebih berat dalam melaksanakan peranannya sebagai pendidik. Guru memainkan peranan penting dalam membentuk pelajar untuk cemerlang dalam peperiksaan. Perbezaan pencapaian murid-murid dalam sekolah turut dipengaruhi oleh perbezaan yang ketara dalam diri guru. Menurut Sulaiman (2003), guru merupakan pengurus pembelajaran yang bertanggungjawab untuk merancang pengetahuan, kemahiran dan nilai yang hendak diajar kepada murid setiap hari. Ini selari dengan kajian yang dilaksanakan oleh Sparks (2003) yang berpendapat bahawa sekolah yang berkesan ialah sekolah yang mempunyai agen-agen perubahan yang berkualiti.

1.2 Latar Belakang Masalah

Bahasa Melayu ialah bahasa rasmi, bahasa pengantar utama, bahasa perpaduan dan mata pelajaran teras. Mata pelajaran bahasa Melayu (BM) bertujuan untuk melengkapkan murid dengan keterampilan berbahasa dan berkomunikasi selaras dengan peranannya sebagai bahasa ilmu. Mata pelajaran Bahasa Melayu (BM) merupakan mata pelajaran teras yang wajib diambil oleh semua pelajar di sekolah menengah di negara ini. Pelajar wajib lulus dalam mata pelajaran ini untuk menjamin kelulusan dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan juga sebagai memenuhi syarat kemasukan ke institusi pengajian tinggi. Pelajar yang gagal dalam mata pelajaran bahasa Melayu tidak akan mendapat sijil penuh. Namun menurut Arshad (2008), kajian mendapati bahawa apabila mata pelajaran bahasa dimasukkan dalam peperiksaan wajib, maka pelajar menjadi tidak berminat pada mata pelajaran tersebut. Ini membimbangkan pihak sekolah kerana ia memberi kesan kepada keputusan peperiksaan pelajar sekaligus akan memberi kesan kepada GPS sekolah.

Penguasaan penulisan dalam mata pelajaran bahasa Melayu yang kurang memuaskan dalam kalangan pelajar perlu ditangani segera demi mencapai hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang ingin melahirkan warganegara yang berkualiti demi memenuhi aspirasi negara menjelang tahun 2020. Kemahiran mengarang dalam kalangan pelajar bukan sahaja untuk tujuan akademik seperti menjawab soalan peperiksaan, menulis laporan, dan tugas tetapi juga bagi memenuhi keperluan dalam kehidupan seharian dan profesional di tempat kerja. Dalam usaha Malaysia untuk menjadi sebuah negara industri, tenaga mahir amat diperlukan. Penggunaan tenaga mahir ini bukan sahaja dalam konteks sains dan teknologi tetapi juga kemahiran bahasa khususnya kemahiran menulis.

Guru adalah penggerak utama dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran (P&P) di sekolah. Justeru peranan guru sangat penting dalam menyampaikan P&P di dalam bilik darjah. Dalam konteks pengajaran BM, kecenderungan guru untuk meningkatkan pencapaian mata pelajaran BM dalam Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3) dan peperiksaan SPM telah mempengaruhi corak pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah. Implikasinya, wujud pengajaran yang

amat terikat kepada bahan dan kaedah menjawab soalan peperiksaan. Malah perkembangan langkah-langkah pengajaran adalah bercirikan format soalan peperiksaan. Menurut kajian Salleh (2005), guru yang menjadi responden dalam kajiannya seronok mengajar Bahasa Melayu kerana mereka menganggap bahasa Melayu sebagai mata pelajaran yang mudah untuk diajar. Justeru, tanggapan ini biasanya diterima oleh pentadbir sekolah dan menganggap mata pelajaran bahasa Melayu boleh diajar oleh guru-guru lain selain guru yang mempunyai opsyen bahasa Melayu.

Menurut kajian yang telah dijalankan oleh Satute (2003), penguasaan pengetahuan dan kemahiran dalam bidang mata pelajaran menjadi keutamaan kepada guru-guru. Oleh yang demikian, guru perlu memahami prinsip-prinsip pembelajaran supaya mempunyai asas yang kukuh untuk membuat persediaan dalam P&P mereka. Apabila guru bukan opsyen mengajar, maka mereka tidak dapat mengajar dengan berkualiti dan berkesan, Mohamad (2006). Ini kerana biasanya guru hanya pakar dalam bidang pengkhususannya sahaja. Hal ini menyebabkan guru bukan opsyen tertekan kerana mereka perlu mengajar mata pelajaran yang bukan bidang mereka di samping menghadapi kesukaran untuk menguasai P&P. Mereka juga akan menganggap ia satu bebanan tugas dan bukannya sebagai tanggungjawab.

Bagi guru yang mengajar bukan dalam bidang kepakaran mereka, beberapa masalah mungkin berlaku dalam penyampaian sukatan pelajaran yang telah digariskan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Kajian Ethell dan Mc Meniman (2000), Putnam dan Borko (2000), Shulman (2000), Freeman (2002) dan Hiebert *et al.*, (2002) menyatakan bahawa pengetahuan guru berkaitan pendekatan pengajaran, isi kandungan dan amalan pengajaran membantu proses P&P di dalam bilik darjah. Justeru, ia membuktikan bahawa guru yang kurang pengetahuan dalam mata pelajaran yang hendak diajar akan kurang berkeyakinan, mempunyai kompetensi yang rendah dan kurang komited dalam pengajaran. Cross (2010) menegaskan bahawa selain pembelajaran formal, kaedah pembelajaran informal perlu dilaksanakan bagi sesiapa sahaja yang ingin mendalami sesuatu disiplin ilmu.

Manakala Wan Ali (2000) menyatakan guru hendaklah mempunyai kepakaran dan penguasaan terhadap bidang pelajaran yang diajar, menguasai kaedah pengajaran dan pengurusan disiplin pelajar supaya proses pengajaran dan

pembelajaran dapat dijalankan dengan lancar. Guru seharusnya mempunyai kemahiran dan kepakaran dan kreatif untuk membuatkan para pelajar sentiasa terlibat dalam proses pembelajaran dan pengajaran yang disampaikan. Ini selari dengan pendapat Sulaiman (2003) yang menyatakan bahawa ilmu dalam sesuatu bidang mata pelajaran perlu dikuasai sepenuhnya oleh pendidik. Ini kerana, guru yang tidak menggunakan kaedah pengajaran yang betul tidak dapat menarik minat pelajar untuk belajar. Pelajar juga merasa tidak yakin dengan penyampaian guru dan melibatkan prestasi pelajar dalam subjek menurun dan mengakibatkan keputusan peperiksaan tidak memuaskan. Selain itu keadaan dalam bilik darjah juga mungkin tidak terkawal dan motivasi pelajar menurun.

Ada pihak yang mengatakan bahawa masalah prestasi peperiksaan pelajar yang lemah di sekolah disebabkan oleh kadar tugas ganti guru yang banyak, manakala guru pula terpaksa mengajar mata pelajaran bukan opsyen (KPM, 2013). Selain itu, isu pengajaran bahasa Melayu juga sering dikaitkan dengan kekurangan guru opsyen bahasa Melayu. Kesannya, guru besar atau pengetua terpaksa meminta guru bukan opsyen untuk mengisi kekosongan ini dan biasanya pihak pentadbir tidak mengambil kira tentang kepakaran tetapi hanya memenuhi keperluan sekolah. Terdapat banyak guru yang bukan sahaja tidak dapat mengajar bahasa Melayu dengan baik, tetapi penguasaan bahasa Melayu mereka juga amat lemah kerana tidak menguasai bidang ini dengan baik. Maka akan wujudlah masalah dalam melahirkan pelajar yang benar-benar berketerampilan dari aspek penguasaan bahasa. Masalah prestasi peperiksaan pelajar yang lemah di sekolah juga berpunca daripada kadar tukar ganti guru yang banyak (KPM, 2013)

Terdapat kajian yang menunjukkan bahawa kebanyakan sekolah khususnya sekolah di pedalaman menghadapi masalah kekurangan guru. Masalah ini juga terjadi apabila jumlah bilangan pelajar yang bertambah dari masa ke semasa. Kekangan ini menyebabkan, guru-guru yang mempunyai opsyen tertentu tidak ditempatkan di sekolah ini. Hal ini menyebabkan pihak sekolah dan pentadbir menghadapi masalah dalam menentukan guru mata pelajaran yang sesuai. Kekurangan tenaga guru yang berkelayakan untuk mengajar bahasa Melayu menyebabkan pihak pentadbir memberi tugas dan tanggungjawab mengajar mata pelajaran ini kepada guru-guru yang mempunyai opsyen lain. Perkara ini mungkin

dapat menyelesaikan masalah kekurangan guru tetapi tindakan ini boleh menyebabkan pembelajaran dan pengajaran guru tidak mencapai tahap yang optimum.

Guru haruslah menggalas segala tanggungjawab yang telah diamanahkan dengan penuh kecekapan dan kredibiliti untuk memastikan kejayaan pengajaran dan pembelajaran didalam kelas. Namun terdapat isu di mana banyak mata pelajaran yang diajar oleh guru bukan opsyen. Mohamed Ahasan (2006) menyatakan dalam sessi penempatan dan pertukaran guru, terdapat kes-kes opsyen guru tidak diambil kira mengakibatkan guru mengajar mata pelajaran yang diluar bidang pengkhususannya. KPM (2013) juga menyatakan apabila timbul situasi kekurangan guru dalam sesebuah sekolah, guru yang tiada pengkhususan mata pelajaran diminta mengajar mata pelajaran tersebut.

Guru merupakan penyumbang terbesar dalam menyampaikan ilmu pengetahuan. Guru juga memainkan peranan yang sangat penting dalam menghasilkan pelajar yang berkualiti dan berdaya saing. Guru perlu menggunakan pengetahuan pedagoginya dengan baik agar proses pengajaran dan pembelajaran sempurna. Pihak pentadbir sekolah perlu menggalakkan amalan reflektif dalam kalangan guru di sekolah. Tan *et al.*, (2003) merujuk amalan reflektif dalam pendidikan sebagai “guru tahu apa yang dilakukannya, mengapa melakukannya dan menilai kesan dari apa yang dilakukan”. Justeru guru boleh mengaplikasikannya di dalam bilik darjah dan menilai kesannya dari masa ke semasa. Amalan ini dikaitkan dengan pembelajaran informal dalam kalangan guru bukan opsyen. Guru yang berjaya adalah guru yang menjadikan amalan reflektif sebagai sebahagian amalan hariannya.

Zakaria (2003) telah menyatakan bahawa ramai pelajar yang pergi sekolah tetapi hakikat sebenarnya mereka tidak belajar. Terdapat banyak faktor yang menyumbang kepada perkara tersebut antaranya ialah tidak minat dengan mata pelajaran, tidak minat guru mengajar, pengaruh kawan dan sebagainya. Arbaa *et al.*, (2010) dalam kajiannya telah menunjukkan bahawa adanya terdapat hubungan positif yang sederhana di antara ciri kualiti guru yang dikaji dengan komitmen pelajar. Ini menunjukkan bahawa ciri guru penting dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran supaya pelajar belajar dalam persekitarannya. Kaedah pengajaran dan

pengetahuan guru amat penting dalam menimbulkan minat pelajar untuk belajar. Apabila timbulnya minat, secara tidak langsung seorang guru itu sudah dapat meningkatkan keyakinan diri pelajar di samping meningkatkan motivasi dalam diri mereka. Menurut Cross (2010), untuk menghasilkan pengajaran yang bermakna, guru perlu mencari bahan daripada buku rujukan, melayari internet, bertanya kepada yang pakar atau kepada rakan guru yang lebih berpengalaman, dan membuat pemerhatian serta membuat rujukan.

Tinjauan awal yang dilakukan terhadap guru yang mengajar mata pelajaran bahasa Melayu yang mengajar di SMK Tun Ismail, Parit Raja Batu Pahat jelas menunjukkan bahawa mereka mengalami masalah dalam menyampaikan isi pengajaran. Guru-guru yang bukan opsyen terpaksa mencari pelbagai alternatif untuk mempelajari dan memahami apa yang perlu disampaikan dalam pengajaran dan pembelajaran. Pengkaji telah menemu bual beberapa orang guru. Soalan-soalan temubual yang dikemukakan adalah seperti di **LAMPIRAN A**. Antara maklum balas yang diberikan adalah seperti berikut:

“Saya memang ada masalah bila nak ajar bm sebab bukan opsyen...Sebabnya saya tak tahu nak mengajar tu ikut buku teks ke...ikut cd yang dibekalkan kementerian ke...atau ikut format peperiksaan ke...jadi terpaksa tanya pada cikgu-cikgu lama...”

(Guru 1)

“Saya memang ada masalah masa nak mengajar...sebab ..tak tahu nak mulakan macammana...nak ajar rumusan dulu ke..novel dulu ke...karangan ke....atau nak ajar tatabahasa...nak mulakan ajar rumusan pun tak tahu..nak mula dari mana...jadi terpaksa cari bahan sendiri...”

(Guru 2)

“..memang masalah..setiap kali nak mengajar, saya terpaksa belajar dulu.. dan melayari internet untuk mengajar pada keesokan hari...”

(Guru 3)

Selain itu, dua orang pentadbir juga telah memberikan pandangan mereka terhadap permasalahan ini. Mereka terdiri daripada Guru Kanan Mata Pelajaran (GKMP) dan Guru Penolong Kanan Pentadbiran (GPK 1). Antara maklum balas mereka ialah:

“Memang susah.....bagi cikgu-cikgu yang mengajar tapi ..bukan opsyen..mereka terpaksa belajar dari yang pakar (guru lama)..selain tu dia orang akan belajar sebelum mengajar..dan terpaksa beli bahan rujukan untuk lebih faham..kalau tidak memang pelajar tak faham...”

(Pentadbir 1)

“Pada pendapat saya...memang perlu kaji bagaimana guru belajar bagi guru yang bukan opsyen...sebab ...boleh jadikan panduan bagi guru lain yang menghadapi masalah yang sama...”

(Pentadbir 2)

Daripada tinjauan awal ini didapati bahawa, guru-guru yang mengajar mata pelajaran bahasa Melayu menghadapi masalah ketika proses pengajaran dan pembelajaran berlaku. Ini terjadi kerana sebahagian mereka merupakan graduan dari pelbagai bidang antaranya ialah Pengajian Pengurusan Maklumat, Kejuteraan Awam, Kejuruteraan Elektrik, Komputer Sains dan sebagainya. Mereka terdiri dari guru lelaki dan guru perempuan yang terpaksa akur dengan kehendak pentadbir untuk mengajar mata pelajaran bahasa Melayu kerana kekurangan guru opsyen di sekolah. Masalah ini cuba ditangani oleh guru dengan merujuk bahan seperti buku teks, cd pembelajaran bahasa Melayu, melayari internet, bertanyakan kepada guru bahasa Melayu yang mahir & berpengalaman, merujuk kepada sumber di perpustakaan dan sebagainya.

Zakaria (2003), Minhad (2004), dan Long *et al.*, (2002) menyatakan bahawa sebahagian (28% - 37%) daripada guru-guru yang mengajar Bahasa Melayu di sekolah menengah bukan bidang kepakaran dalam bidang Bahasa Melayu semasa di maktab atau di universiti. Ini menyebabkan guru menghadapi masalah untuk mentafsir dan menterjemahkan kandungan kurikulum untuk dilaksanakan secara tepat dan berkesan dalam pengajaran mereka. Ketidakupayaan mereka untuk

menyampaikan sukatan pelajaran yang telah ditetapkan oleh Kementerian menyebabkan Pelajar-pelajar tidak dapat melibatkan diri secara aktif dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Pelajar didapati kurang yakin, kurang bersedia dan sentiasa bimbang dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Haron (2006), menyatakan bahawa kompetensi sebagai alat yang dibawa oleh individu untuk melaksanakan kerja mereka. Individu yang terlibat dalam bidang pendidikan hendaklah mempunyai kompetensi bagi menjamin kualiti dalam pengajaran dan pembelajaran. Menurut Daud Ibrahim (2003), kompetensi bermakna "*competence, proficiency, skillful and skill*". Kompetensi juga ditakrifkan sebagai gabungan aspek pengetahuan, kemahiran dan ciri-ciri peribadi yang perlu dimiliki serta diamalkan bagi melaksanakan sesuatu pekerjaan atau sikap. Seseorang individu yang mempunyai pengetahuan mengenai disiplin ilmu akan lebih berkeyakinan dalam melaksanakan tugasnya dan boleh memberi manfaat kepada orang lain. Kemahiran pula adalah kebolehan yang melibatkan tingkah laku bagi melaksanakan sesuatu tugas. Ia melibatkan aktiviti psikomotor bagi menghasilkan proses kerja. Manakala sikap adalah kemahuan untuk melakukan tugas berkenaan serta kepercayaan dan keyakinan untuk melaksanakan tugas dengan sebaiknya.

Zakaria (2011) dalam kajiannya menyatakan bahawa, guru yang berpengalaman mempunyai Pengetahuan Pedagogi Isi Kandungan (PPIK) yang mantap dan pengintegrasian komponen-komponen PPIK yang seimbang. Guru yang berpengalaman dapat menyampaikan isi kandungan yang mantap dengan menggunakan pelbagai kaedah dan teknik mengajar yang bersesuaian dengan perbezaan individu pelajar. Di samping itu, menurut kajian Cross (2010) guru berpengalaman juga dapat menekankan konsep dan perkaitan konsep-konsep penting dengan teratur serta lebih menggunakan strategi pengajaran berpusatkan pelajar bagi mendekati, membimbing dan memotivasikan pelajar berbanding guru baharu. Guru berpengalaman juga mempunyai teknik yang tersendiri untuk mengawal kelas. Ini terjadi kerana, guru baharu memerlukan masa untuk menjadi guru yang berkualiti dan standing guru berpengalaman.

1.3 **Penyataan Masalah**

Hasil perbincangan di dalam latar belakang masalah berdasarkan daripada kajian literatur, pengkaji mendapati antara punca yang telah dikenalpasti ialah guru bahasa Melayu yang bukan opsyen perlu melaksanakan pengajaran dan pembelajaran yang bukan pengkhususan mereka. Guru bahasa Melayu pastinya menghadapi masalah tertentu untuk menyampaikan isi kandungan pelajaran bahasa Melayu yang terdiri daripada bahasa Melayu 1 iaitu Karangan dan bahasa Melayu 2 yang terdiri daripada Rumusan, Soalan Komsas, Tatabahasa dan Novel. Maka pembelajaran informal bagi kalangan guru-guru bukan opsyen bahasa Melayu sangat penting untuk di kaji supaya dapat meningkatkan kompetensi guru-guru bukan opsyen terhadap mata pelajaran Bahasa Melayu disamping dapat meningkatkan motivasi guru dalam pengajaran dan pembelajaran mereka.

Cross (2010) menyatakan dalam kajiannya bahawa setiap guru mempunyai masalah untuk melaksanakan pengajarannya jika tidak menguasai sepenuhnya topik yang hendak di ajar. Ini kerana guru yang tidak mempunyai pengetahuan untuk mengajar akan menyebabkan mereka bergantung kepada alat bantu mengajar seperti buku teks dan nota sepenuhnya. Guru terpaksa menyelesaikan masalah dengan mengorbankan masa rehatnya dengan membuat persediaan rapi dan merujuk kepada bahan pembelajaran mata pelajaran yang bukan opsyennya. Guru akan mencari bahan daripada buku rujukan, melayari internet, bertanya kepada yang pakar atau kepada rakan guru yang lebih berpengalaman, dan membuat pemerhatian serta membuat rujukan. Ini akan mendatangkan masalah jika beban tugas tugas guru bertambah terutama kepada guru yang dibebani dengan beban tugas bukan akademik seperti memegang tugas sebagai guru kelas, guru Aplikasi Pengkalan data Murid (APDM), guru SPBT dan Jurulatih Sukan dan sebagainya.

Kesimpulannya, penyelidik berpendapat bahawa satu kajian perlu dijalankan untuk mengkaji kaedah pembelajaran yang diamalkan oleh guru-guru yang bukan opsyen untuk mengajar mata pelajaran bahasa Melayu. Pembelajaran informal ini adalah cara alternatif kepada guru-guru untuk mempelajari ilmu yang bukan bidang kepakaran masing- masing untuk meningkatkan motivasi mereka semasa mengajar

dan membantu guru bukan opsyen mengajar dengan lebih bermakna dan berkeyakinan. Dengan pembelajaran informal ini diharapkan dapat meningkatkan prestasi guru terhadap mata pelajaran yang hendak diajar terutama sekali dalam aspek kemahiran guru, pengetahuan dan sikap guru disamping dapat memberi manfaat kepada guru dalam menyampaikan pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas.

1.4 Objektif Kajian

Objektif kajian ini ialah:

- (i) Mengetahui pasti kaedah pembelajaran informal yang paling dominan yang diamalkan dalam kalangan guru bukan opsyen mata pelajaran bahasa Melayu.
- (ii) Mengetahui pasti sumbangan kaedah pembelajaran informal terhadap kompetensi guru bukan opsyen mata pelajaran bahasa Melayu.
- (iii) Mengetahui pasti perbezaan kaedah pembelajaran informal dalam kalangan guru bukan opsyen mata pelajaran bahasa Melayu berdasarkan jantina.
- (iv) Mengetahui pasti perbezaan kaedah pembelajaran informal dalam kalangan guru bukan opsyen mata pelajaran bahasa Melayu berdasarkan pengalaman.

1.5 Persoalan Kajian

Persoalan kajian ini ialah:

- (i) Apakah kaedah pembelajaran informal yang paling dominan yang diamalkan dalam kalangan guru mata pelajaran Bahasa Melayu?
- (ii) Apakah tahap sumbangan kaedah pembelajaran informal terhadap pengetahuan guru mata pelajaran bahasa Melayu?

- (iii) Apakah tahap sumbangan kaedah pembelajaran informal terhadap kemahiran guru mata pelajaran bahasa Melayu?
- (iv) Apakah tahap sumbangan kaedah pembelajaran informal terhadap sikap guru mata pelajaran bahasa Melayu?
- (v) Adakah terdapat perbezaan kaedah pembelajaran informal dalam kalangan guru bukan opsyen mata pelajaran Bahasa Melayu berdasarkan jantina?
- (vi) Adakah terdapat perbezaan kaedah pembelajaran informal dalam kalangan guru bukan opsyen mata pelajaran Bahasa Melayu berdasarkan pengalaman?

1.6 Skop Kajian

Kajian akan dilaksanakan terhadap guru bukan opsyen yang mengajar bahasa Melayu dan akan dijalankan di Sekolah Menengah harian daerah Batu Pahat. Kajian ini akan memberi fokus kepada pembelajaran informal yang diamalkan oleh guru bukan opsyen di samping melihat sumbangan pembelajaran informal dari aspek pengetahuan, kemahiran dan sikap. Seterusnya, kajian ini akan memfokuskan kepada persepsi guru berdasarkan jantina dan pengalaman mereka yang mengajar bahasa Melayu terhadap kaedah pembelajaran Informal.

1.7 Kepentingan Kajian

Kajian yang dijalankan ini penting kerana berperanan sebagai satu rujukan kepada pihak-pihak yang terlibat dalam pendidikan. Kajian ini juga penting bagi menyalurkan maklumat kepada Kementerian Pelajaran Malaysia kaedah pembelajaran informal bagi guru-guru bukan opsyen bahasa Melayu. Pihak kementerian mungkin dapat membuat penambahbaikan terhadap sistem penempatan guru-guru baharu ke sekolah-sekolah di bawah kementerian dan penting agar pihak kementerian merangka keperluan kursus profesionalisme atau menyediakan bahan-


bahan rujukan yang boleh membantu guru-guru yang bukan opsyen agar mereka menjadi guru yang lebih kompeten & berkualiti.

Berdasarkan kepada keperluan membekalkan guru yang berdaya maju dan sentiasa bersikap terbuka untuk menempuh dunia pendidikan, Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Swasta (IPTS) sangat memerlukan hasil daripada kajian ini. Segala dapatan memberikan panduan kepada mereka untuk menggubal, mereka atau menambahbaik kurikulum yang dikehendaki untuk menghasilkan bakal graduan yang memenuhi kehendak kementerian dan sentiasa ingin cemerlang dalam bidang tugasnya. Bakal guru yang dikeluarkan oleh institusi haruslah memenuhi kriteria untuk menjadi pendidik yang bersikap positif dalam menerima tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan kepada mereka dan sentiasa melengkapkan diri dari segi pengetahuan, kemahiran dan sikap terhadap kerjaya sebagai seorang pendidik.

Dapatan kajian ini diharap dapat disampaikan supaya menjadi panduan kepada guru-guru bukan opsyen bagi mata pelajaran bahasa Melayu dan mata pelajaran lain untuk mengamalkan kaedah pembelajaran informal dan menyedari sumbangan pembelajaran tersebut dalam proses pengajaran mereka. Guru-guru yang bukan opsyen juga boleh menjadikan amalan pembelajaran informal ini sebagai rutin harian agar mereka sentiasa bersedia untuk mengajar dan dapat mendalami segala pengetahuan yang bukan bidang kepakaran mereka. Justeru diharap dapat meningkatkan prestasi pelajar dalam peperiksaan dan sebagai motivasi dalam melaksanakan tanggungjawab yang diberikan oleh pihak sekolah. Selain itu diharap juga dapat meningkatkan keyakinan guru dalam menyampaikan isi pengajaran dengan berkesan.

1.8 Kerangka Konsep Kajian

Merujuk objektif pertama iaitu mengenal pasti kaedah pembelajaran informal yang diamalkan dalam kalangan guru bukan opsyen mata pelajaran bahasa Melayu pembolehubah bersandar (DV) ialah kaedah pembelajaran. Objektif kedua iaitu mengenal pasti sumbangan kaedah pembelajaran informal terhadap kompetensi guru bukan opsyen mata pelajaran bahasa Melayu, pembolehubah bersandar (DV) ialah sumbangan kaedah pembelajaran. Manakala bagi objektif ketiga iaitu mengenal pasti perbezaan persepsi berdasarkan jantina terhadap kaedah pembelajaran informal dalam kalangan guru bukan opsyen mata pelajaran bahasa Melayu, pembolehubah bersandar (DV) ialah jantina dan bagi objektif keempat iaitu mengenal pasti perbezaan berdasarkan pengalaman mengajar terhadap kaedah pembelajaran informal dalam kalangan guru bukan opsyen bahasa Melayu, pembolehubah bersandar (DV) ialah pengalaman. Pembolehubah tidak bersandar (IV) ialah guru.



Rajah 1.1: Kerangka konsep pembelajaran informal

1.9 Definisi Operasional

Bagi menerangkan dengan lebih terperinci istilah yang digunakan dalam kajian ini, berikut merupakan definisi-definisi yang merujuk kepada istilah-istilah yang digunakan.

(i) Guru

Guru adalah individu yang memberikan bimbingan kepada yang menerima pelajaran dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Guru perlulah memiliki pengetahuan dan kemahiran sepadan dengan bidang ilmu yang disampaikan. Dalam konteks kajian ini, guru yang dimaksudkan ialah individu yang dilantik untuk menjadi pengajar, pemudahcara, pendidik dan pembimbing dalam proses pengajaran dan pembelajaran yang bukan opsyen bahasa Melayu.

(ii) Mata Pelajaran bahasa Melayu

KPM (2013) menggariskan mata pelajaran bahasa Melayu adalah mata pelajaran wajib lulus bagi setiap pelajar dalam Sijil Pelajaran Malaysia. Mata pelajaran Bahasa Melayu bertujuan untuk melengkapkan murid dengan keterampilan berbahasa dan berkomunikasi selaras dengan peranannya sebagai bahasa ilmu. Kandungan Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah merangkumi penggunaan bahasa yang menekankan kemahiran bahasa serta berteraskan bahasa Melayu baku. Dalam konteks kajian ini, mata pelajaran bahasa Melayu merujuk kepada mata pelajaran yang perlu diajar oleh guru yang tidak mempunyai pengkhususan dalam mata pelajaran ini.

(iii) Guru-guru bukan Opsyen

Chan (2002) mendefinisikan guru-guru bukan opsyen membawa maksud guru-guru yang bukan dari aliran atau bidang mata pelajaran mereka. Dalam kajian ini guru bukan opsyen merujuk kepada guru yang akan mengajar mata pelajaran bahasa

Melayu dan tiada pengkhususan berkaitan mata pelajaran bahasa Melayu bukan bidang pengkhususan mereka semasa belajar di institusi pendidikan.

(iv) Pembelajaran

Kamus Dewan Edisi Ke empat (2013) menyatakan pembelajaran adalah pengalaman yang menyebabkan perubahan tingkah laku dan pengetahuan seseorang. Pembelajaran ialah proses (kegiatan) belajar. Dalam kajian ini pembelajaran merujuk kepada proses guru mengajar didalam kelas.

(v) Pembelajaran Informal

Kamus Dewan Edisi Ke empat (2013) mendefinisikan informal bermaksud tidak formal, tidak mengikut cara yang sudah menjadi kebiasaan atau yang sudah ditetapkan. Pembelajaran yang berlaku secara tidak terancang atau tidak disedari dan boleh berlaku di mana-mana tempat dan pada sebarang masa tetapi tiada satu siri program yang tersusun atau objektif khusus untuk menyampaikan pembelajaran. Individu akan mengalami pembelajaran di sepanjang hayatnya melalui interaksinya dengan adik-beradik, rakan sebaya dan ahli masyarakat yang lain atau dari pekerjaan dan aktiviti sosial, lawatan serta pendedahan melalui peristiwa semasa dan media seperti buku, surat khabar, radio, tv dan sebagainya.

(vi) Kompetensi

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2013) kompetensi bermaksud kebolehan, pengetahuan dan kemahiran untuk melakukan sesuatu aktiviti dengan cekap dan berjaya. Hoffman (1999) mentakrifkan kompetensi sebagai satu set tingkah laku yang diperlukan oleh seorang ketua untuk menjalankan tugas dengan baik. Menurut Lloyd (2004), menyatakan bahawa kompetensi adalah ciri-ciri asas yang mempunyai kaitan dengan keberkesanan atau kebolehan menjalankan sesuatu tugas. Dalam konteks kajian ini, kompetensi merujuk kepada pengetahuan, kemahiran dan sikap guru.

(vii) Pengetahuan

]Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2013), pengetahuan ialah perihal mengetahui. Dalam kajian ini, pengetahuan merujuk kepada pengetahuan yang diperolehi oleh guru dalam mata pelajaran bahasa Melayu melalui kaedah pembelajaran informal.

(viii) Kemahiran

Kemahiran yang dimaksudkan dalam sumbangan pembelajaran informal dalam kajian ini ialah kemahiran berfikir dimana guru menggunakan minda untuk mencari makna dan pemahaman terhadap sesuatu, membuat pertimbangan terhadap sesuatu perkara dan keputusan atau menyelesaikan masalah.

(ix) Media Elektronik.

Kamus Dewan Edisi Keempat (2013), media elektronik ialah alat atau saluran komunikasi yang menggunakan alatan elektronik seperti radio, televisyen dan sebagainya. Dalam kajian ini media elektronik merujuk kepada enjin carian dan aplikasi internet antaranya ialah google, email, video dan *Facebook*.

1.10 Rumusan

Bab 1 ini menjelaskan gambaran menyeluruh terhadap kajian yang akan dijalankan. Bab ini juga menerangkan latar belakang masalah yang dihadapi oleh guru yang bukan opsyen untuk menyampaikan pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas kerana mereka tidak pakar dalam mata pelajaran yang terpaksa mereka ajar walaupun mereka tidak mempunyai kepakaran dalam mata pelajaran tersebut. Subjek yang dipilih adalah subjek bahasa Melayu kerana subjek ini merupakan subjek wajib lulus dan merupakan syarat utama kemasukan ke pengajian tinggi IPTA atau IPTS. Kajian ini meliputi bagaimana pembelajaran Informal berlaku bagi guru bahasa Melayu bukan opsyen, kaedah pembelajaran informal bagi guru bahasa Melayu, sumbangan

terhadap kompetensi guru dari aspek kemahiran, pengetahuan dan sikap juga melihat perbezaan pembelajaran informal berdasarkan jantina dan pengalaman bagi guru yang mengajar bahasa Melayu. Bab yang seterusnya akan mengupas tinjauan kajian-kajian lepas yang mempunyai kaitan dengan kajian yang akan dilakukan ini.

BAB 2

KAJIAN LITERATUR

2.1 Pengenalan

Dalam bab dua ini, pengkaji membincangkan tentang penulisan dan sorotan literatur pengkaji terdahulu dan sumber-sumber berkaitan yang relevan dengan kajian pengkaji. Pengkaji membahagikan dapatan penulisan dan kajian literatur ini kepada beberapa bahagian utama iaitu pembelajaran, teori pembelajaran, kaedah pembelajaran informal, sumbangan pembelajaran informal, permasalahan guru dalam melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran, pembelajaran informal guru berdasarkan faktor pengalaman, pembelajaran informal guru berdasarkan faktor jantina dan mata pelajaran Bahasa Melayu. Maklumat dan fakta daripada kajian terdahulu yang diperoleh melalui sorotan kajian literatur ini dapat membantu pengkaji dalam melaksanakan kajian dan membuktikan dapatan kajian yang dijalankan.

2.2 Pembelajaran

Pembelajaran merupakan suatu proses perolehan maklumat dan pengetahuan, penguasaan kemahiran dan tabiat, serta pembentukan sikap dan kepercayaan (Siheh, 2012). Proses pembelajaran sebenarnya bukan hanya bermula sebaik sahaja seorang bayi dilahirkan ke dunia, tetapi ianya telah berlaku dari alam kandungan lagi. Kaedah pembelajaran bayi di dalam kandungan dilakukan dengan cara si ibu membacakan sesuatu seperti buku kepada kandungan atau melekapkan bunyian audio ke perut ibu. Kajian oleh Arabin (2002), mendapati otak bayi yang diajar semenjak di dalam alam kandungan lebih tajam berbanding bayi yang tidak diajar. Proses pembelajaran juga

berlaku sepanjang hayat dan tidak terhenti walaupun telah bergraduat dari universiti. Pembelajaran juga boleh berlaku di tempat kerja dan di mana-mana sahaja.

Terdapat pelbagai definisi dan pengertian pembelajaran yang berbeza di antara sarjana psikologi pendidikan mengikut fahaman dan kajian masing-masing. Jadual 2.1 menyenaraikan antara definisi-definisi pembelajaran mengikut kajian beberapa orang ahli psikologi pendidikan (Siheh, 2012) dan Abdul Baser (2014). Huraian definisi di dalam Jadual 2.1 menjelaskan bahawa pembelajaran berupaya mengubah pengetahuan dan juga tingkah laku individu hasil dari proses pembelajaran tersebut. Didapati perubahan pengetahuan dan tingkah laku individu pembelajaran dizahirkan secara berbeza sebelum dan selepas proses pembelajaran, bersifat kekal dan jelas mengikut susatu situasi. Kaedah pembelajaran individu adalah melalui latihan dan pengalaman.

Jadual 2.1: Definisi pembelajaran

Penulis	Buku / Artikel	Huraian Definisi
Robert M Gagne (1970)	<i>The Conditions of Learning</i>	Pembelajaran adalah perubahan atau kemampuan seseorang yang dapat dikekalkan tetapi tidak disebabkan oleh pertumbuhan. Perubahan yang dipanggil pembelajaran diperlihatkan melalui perubahan tingkah laku; dengan membandingkan tingkah laku seseorang individu sebelum didedahkan kepada situasi pembelajaran dengan tingkah lakunya selepas didedahkan dengan situasi pembelajaran.
Morgan dan King (1975)	<i>Introduction to Psychology</i>	Pembelajaran ditakrifkan sebagai sebarang perubahan tingkah laku yang agak kekal akibat pengalaman yang diperolehi oleh seseorang atau akibat latihan yang dijalankannya.
E.R. Hilgard, R.C. Atkinson dan R.L. Atkinson (1975)	<i>Introduction to Psychology</i>	Pembelajaran adalah perubahan tingkah laku yang kekal hasil daripada pengalaman. Perubahan ini mungkin tidak jelas sehingga timbul suatu situasi yang menonjolkan tingkah laku baru ini; pembelajaran biasanya tidak diperlihatkan dengan serta-merta melalui pencapaian.
Morris L. Bigge (1982)	<i>Learning Theories for Teachers</i>	Pembelajaran merujuk kepada beberapa perubahan sistematik dalam tingkah laku atau penyusunan tingkah laku yang berlaku hasil daripada pengalaman dalam situasi yang tertentu.

Jadual 2.1: Definisi pembelajaran (sambungan)

Penulis	Buku / Artikel	Huraian Definisi
Anita E. Woolfolk (1995)	<i>Educational Psychology</i>	Pembelajaran adalah proses di mana pengalaman menyebabkan perubahan dalam pengetahuan dan tingkah laku yang kekal.
Taylor (2006)	<i>Making Meaning Of Local Nonformal Education: Practitioner' Perspectives In Adult Education Quarterly.</i>	Proses menimba ilmu pengetahuan, pemahaman dan pembinaan kemahiran serta dizahirkan dengan tingkah laku yang diharapkan.

2.3 Teori Pembelajaran

Menurut Abdul Baser (2014), terdapat pelbagai perbincangan dan teori bagaimana manusia belajar dan memperoleh ilmu pengetahuan. Dalam proses pembelajaran, baik formal, tidak formal ataupun informal, teori pembelajaran mempunyai peranan yang penting dalam menentukan bagaimana proses pembelajaran itu harus berlaku. Guru perlu menguasai pelbagai teori pembelajaran agar mampu menyampaikan pengajarannya kepada pelajar yang berbeza keupayaan penerimaan pembelajaran. Melalui teori-teori pembelajaran ini, guru akan lebih memahami pelbagai cara bagaimana pelajar yang berbeza mengalami proses pembelajaran. Ini membolehkan guru mempelbagaikan teknik mengajar untuk mencapai pembelajaran yang berkesan. Antara teori pembelajaran yang terkenal seperti yang dinyatakan oleh Ertmer dan Newby (1993) ialah Teori Konstruktivisme dan Teori Pembelajaran Informal. Tujuan membincangkan teori-teori pembelajaran ini ialah untuk menjelaskan bagaimana teori-teori ini digunakan dan dikaitkan antara satu sama lain dalam kajian yang dijalankan oleh pengkaji.

2.3.1 Teori Konstruktivisme

Istilah konstruktivisme merujuk kepada idea bahawa pelajar membina pengetahuan untuk diri mereka sendiri hasil interaksi atau hubungan antara pengalaman dan idea mereka sendiri (Piaget, 1969). Teori ini menganggap ilmu pengetahuan tidak boleh wujud di luar minda tetapi dibina didalam minda berasakan pengalaman sebenar individu. Sebagai contoh, pengetahuan tidak berada di dalam buku akan tetapi lebih pada pengetahuan yang diproses melalui kegiatan membaca. Ilmu pengetahuan juga dibina melalui proses saling interaksi dan saling mempengaruhi pembelajaran dan pengalaman terdahulu dengan pembelajaran dan pengalaman semasa. Sebagai contoh, pengetahuan tidak berada di dalam buku akan tetapi lebih pada pengetahuan yang diproses melalui kegiatan membaca.

Von (1989), pula menjelaskan bahawa konstruktivisme bermaksud sesuatu proses pembelajaran itu adalah bersifat aktif dan dinamik serta berkembang sedikit demi sedikit sepanjang hayat seseorang individu. Seseorang individu akan membina atau membentuk ilmu pengetahuan dengan usaha sendiri dan bukan menguasainya daripada orang lain. Teori Konstruktivisme ini menekankan bahawa pembelajaran merupakan satu proses yang aktif dan pelajar membina konsep baharu atau pengetahuan baharu berasakan pengalaman. Wertsch (1997) menyatakan setiap individu mempunyai perwakilan pengetahuan sendiri melalui pengalaman yang dialami atau bersifat unik dan keupayaan individu untuk menerima pengetahuan juga adalah berbeza.

Dalam teori konstruktivisme, guru tidak memberikan pengetahuan secara langsung kepada pelajar kerana guru lebih berperanan sebagai pemudah cara atau fasilitator (Bauersfeld, 1995). Pelajar sebaliknya, harus berusaha sendiri membangunkan ilmu pengetahuan sendiri dalam struktur mental mereka. Berdasarkan Teori Konstruktivisme ini, pelajar sendiri perlu merancang strategi pembelajaran yang berkesan, menilai dan membuat refleksi tentang pembelajarannya. Justeru itu, pembelajaran konstruktivisme adalah pembelajaran aktif dan dinamik serta berpusatkan pelajar. Secara ringkasnya implikasi pembelajaran berasakan teori konstruktivisme meliputi pembinaan pengetahuan secara sendiri, penaakulan dan penggunaan logik adalah secara aktif, kepelbagaian

bahan bantu mengajar, penglibatan pelajar secara aktif dan guru sebagai pemudah cara.

2.3.2 Teori Pembelajaran Informal

Menurut Teo *et al.*, (2013), pembelajaran informal adalah pembelajaran yang berlaku secara sampingan dan sebagai penambah atau pelengkap kepada pembelajaran formal. Pembelajaran informal merupakan pembelajaran yang berlaku di luar sistem persekolahan, perlaksanaannya kurang berstruktur dan lebih fleksibel (McGivney, 2002). Pembelajaran informal boleh berlaku di mana-mana sahaja seperti di muzium, pusat sains, zoo dan juga rumah ibadah seperti yang dinyatakan oleh Bell *et al.*, (2009). Ia juga boleh dilaksanakan melalui pelbagai medium seperti televisyen, radio, laman web, blog, media sosial, khidmat pesanan ringkas, panggilan telefon dan aplikasi perbualan di telefon pintar. Ini selaras dengan pendapat Caffarella (2005), Merriam dan Baumgartner (2007) yang menyatakan pembelajaran informal tidak menetapkan sebarang isi pelajaran atau bahan-bahan pelajaran yang perlu dikuasai.

Pembelajaran informal merupakan sebahagian daripada pembelajaran sepanjang hayat. Pembelajaran informal adalah pembelajaran yang spontan, tidak berstruktur, setiap hari di pelbagai tempat seperti rumah dan kawasan perumahan, di padang permainan, di tempat kerja, pasar, perpustakaan, muzium, di luar sistem formal dan menerusi pelbagai media massa". Ini selaras juga dengan kajian Illeris (2003), yang menyatakan bahawa pembelajaran informal juga berlaku setiap hari, di semua tempat awam dan dalam konteks bukan berstruktur di dalam kehidupan harian. Manakala Eraut (2004) mendefinisikan pembelajaran informal sebagai pembelajaran yang tidak berasaskan bilik darjah, tidak berstruktur dan autonomi pembelajaran dikawal sepenuhnya oleh pelajar. Kajian membuktikan bahawa lebih 70 peratus daripada pembelajaran yang berlaku ditempat kerja adalah secara informal manakala Marsicks dan Watkins (1990), melalui kajian mereka mendapati 80% pembelajaran di tempat kerja adalah secara informal.

RUJUKAN

- Abd Baser, J. (2014), *Pembelajaran Informal bagi Guru Mata Pelajaran Teknologi Kejuruteraan*. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Ph.D.
- Abdul Ghafar, M. N. (2003). *Penyelidikan Pendidikan*. Johor Bahru: Universiti Teknologi Malaysia.
- Abdul Hamid A. S. (1991). *Perkhidmatan awam yang berkualiti: Dari perspektif Ahmad Sarji Abdul Hamid*. Dicapai pada November 11, 2015 dari http://www.penerbit.utm.my/bookchapterdoc/PPIS/bookchapter_ppips01.pdf
- Abdullah Z. (2006). *Pola Pembelajaran Informal Di kalangan Staf Kumpulan Pendidikan Yayasan Pelajaran Johor, Johor Bahru*. Skudai: UTM. Tesis Sarjana. Tidak diterbitkan.
- Abdullah, A. S. (1999). “Bahasa Melayu: Cabaran dan wawasan dalam sistem pendidikan di Malaysia”. *Dewan Bahasa* 43(6), 482-488.
- Abdullah, N., Noraini Mohd Noh, Nik Azmah Nik Yusuf. (2013). *Aplikasi Persekitaran Pengajaran Maya(Frog Vle) dalam kalangan guru Sains. Prosiding 7 International Malaysian Education Technology Convention (IMETC)*. Hotel Golden Flower Bandung. 16-18 September.
- ABS (Australian Bureau of Statistics). (2008). *Australian social trends*, cat.no.4102.0, ABS, Canberra.
- Abu, B. (2003). *Kepelbagaian Gaya Pembelajaran Dan Kemahiran Belajar Pelajar Universiti Di Fakulti Pendidikan*, UTM Johor.
- Ahmad N. A. (2012). *Gaya Pembelajaran Pelajar Lelaki dan Perempuan di Sekolah Bercampur dan Sekolah Satu Gender*. *Jurnal Melewar Bil* 15:ms 51 - 63 .
- Arabin, B. (2002). *Music during pregnancy*. *Ultrasound in Obstetrics and Gynecology*, 20(5), 425–430. <http://doi.org/10.1046/j.1469-0705.2002.00844.x>
- Arbaa R., Hazri Jamil & Nordin Abd Razak (2010). *Hubungan Guru-Pelajar dan Kaitannya dengan Komitmen Belajar Pelajar: Adakah Guru Berkualiti*

- Menghasilkan Perbezaan Pembelajaran antara Jantina Pelajar?* Jurnal Pendidikan Malaysia 35(2): 61-69.
- Arshad, M (2003). *Pendidikan Literasi Bahasa Melayu: Satu Pendekatan Bersepadu*. Kuala Lumpur. Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Aziz Deraman. (2000). *Tamadun Melayu dan pembinaan bangsa Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azizi Yahya. (2011). *Hubungan Antara Gaya Pembelajaran Dengan Pengajian Kejuruteraan Awam Di Sekolah Menengah Teknik Negeri Sembilan*. Journal of Technical, Vocational and Engineering Education, Volume 1. 20-28.
- Bauersfeld, H. (1995). *"Language Games" In The Mathematics Classroom: Their Function And Their Effects*. In P. Cobb & H. Bauersfeld (Eds.), *The emergence of mathematical meaning: Interaction in classroom cultures*. Hillsdale, NJ: Lawrence Erlbaum Associates. 271-291.
- Bell P, Lewenstein B, Shouse AW and Feder MA. (2009) *.Learning science in informal environments*. Washington. DC: Nationl. Acad. Press.
- Berg, S. A. & Seung Youn (Yonnie) Chyung, (2008) *"Factors that influence informal learning in the workplace"*, Journal of Workplace Learning, Vol. 20 Iss: 4, pp.229 – 244
- Berita Harian (2008). *Isu dan Cabaran Bahasa Melayu dalam Pendidikan*. <http://www.dbp.gov.my/klikdbp/klikdbp11julai8.pdf>
- Bond, T.G. dan Fox, C.M. (2007) *Applying The Rasch Model : Fundamental Measurement in the Human Sciences*. 2nd. Ed. Lawrence Erlbaum Associates, Publisers. Mahwah, New Jersey. London. 200-225.
- Boon, Y. & Ngatimin, S. (2011). *Penggunaan Makmal Komputer dalam kalangan guru-guru Sekolah Kebnagsaan Zon Jementah Daerah Segamatdalam PdP: Satu Tinjauan*. Journal of Technical, Vocational & Engineering Educational Volume 3 September 2011, pages 132-147/ISSN: 2231-7376
- Caffarella, R. S. (1999). *An Update On Adult Development: New Ways Of Thinking About The Life Course*. New Directions For Adult And Continuing Education. San Francisco: Jossey-Bass. 100-120.
- Candy, P.C. (1991). *Self-Direction for lifelong learning*. San Francisco: Jossey-Bass
- Caspi, A., dan Blau, I. (2008). *Social Presence In Online Discussion Groups: Testing Three Conceptions And Their Relations To Perceived Learning*. Social Psychology of Education. 323-346.

- Chan, K.C. (2002). *Kemahiran Mengajar Kemahiran Manipulatif Tambahan (KMT) Dalam Kemahiran Hidup Bersepadu di Kalangan Guru-guru Wanita di Sekolah Menengah Melaka*. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Ijazah Sarjana Muda.
- Clarke, N (2005). 'Workplace Learning Environment And Its Relationship With Learning Outcomes In Healthcare', *Human Resource Development International*, vol.8, no.2: 44-120.
- Cohen, L., Manion, L., & Morrison K. (2000). *Research Methods in Education (5th Edition)*. London: Routledge Falmer.
- Conner, M.L.(2003). *Informal Learning*. <http://agelesslearner.com/intros/informal.html>.
- Creswell, W. J. (2012). *Educational research Planning, Conducting, and Evaluating Quantitative and Qualitative Research*. 4th Ed. Canada. Pearson
- Cross, J. (2010). *Informal Learning: An Interview With Jay Cross*. Pfeiffer, San Francisco. 100-129.
- Cullen, J., Batterbury, S., Foresti, M., & Lyons, C. (2000). *Informal learning and widening participation*. DfEE Research Report No. 191. Retrieved Oct 4, 2015, from <https://www.education.gov.uk/publications/eOrderingDownload/>
- Daud Ibrahim (2003). *Mengenalpasti Masalah-masalah Dalam Melaksanakan Standard ISO 9000*. Tesis Sarjana. Bangi : UKM
- De Laat, M., Lally, V., Lipponen, L., dan Simons, R.-J. (2006). *Online Teaching In Networked Learning Communities: A Multi-Method Approach To Studying The Role Of The Teacher*. *Instructional Science. Journal of Physical Education, Recreation and Dance*. 111-129.
- Djamarah, W. (2002). *Guru Sebagai Role Model*. *Journal of Applied Psychology*. 88 (3), 131-148.
- Eraut, M. (2004). *Informal learning in workplace*. *Studies in Continuing Education*. 26 (2). 247-273.
- Ertmer, P. dan Newby, T. (1993). *Behaviorism, Cognitivism, Constructivism: Comparing Critical Features From An Instructional Design Perspective*. *Performance Improvement Quarterly*. *Journal of Physical Education, Recreation and Dance*. 6(4): 50-72.
- Ethell, R.G. & McMeniman, M.M. (2000). *Unlocking The Knowledge In Action Of An Expert Practitioner*. *Journal of Teacher Education*, 51, 87-101.

- Freeman, D. (2002). *The Hidden Side Of The Work: Teacher Knowledge And Learning To Teach. A Perspective From North American Educational Research on Teacher Education in English Language Teaching*. *Language Teaching*, 35: 1-13.
- Gay, L.R. dan Airasian, P., (2000). *Educational Research*. New Jersey: Prentice-Hall Inc.
- Gerber, B. L., Cavallo, M. L., & Edmund, A. M. (2001). *Relationships among informal learning environments, teaching procedures and scientific reasoning ability*. *International Journal of Science Education*, 23(5), 535-549.
- Gomez, G. F., Guardiola, J., Rodríguez, O. M., & Alonso, M. A. M. (2012). *Gender differences in e-learning satisfaction*. *Computers & Education*, 58(1), 283-290.
- Goodwin, O. (1999). *Learning Styles Strategies Can Help Students At Risk*. *Teaching Exceptional Children*. *European Journal of Education*. 20(4): 55-58.
- Hamid, Z. (2005). *Penilaian pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Haning et al. (2012). *Walking With "Barefoot" Teachers: An Ethnographically Fashioned Casebook*. *Teaching and Teacher Education*. Proceedings of the 46th Annual Adult Education Research Conference. The University of Georgia, Athens, Georgia. 2012. 16 (1): 3–20.
- Harling (1986). *The Science Question In Feminism*. Cornell University, Open University Press. 89-150.
- Haron, Z. (2006). *Kajian Kompetensi Pegawai Kanan Polis Diraja Malaysia Kontinjen Terengganu*. Universiti Utara Malaysia : Tesis Sarjana.
- Harris, A. (2011). *System improvement through collective capacity building*. *Journal of Educational Administration*, 49(6), 624-636.
- Harrison, R., & English, S. (2003). *Ways of learning, ways of knowing: Investigating of the informal within discourses of lifelong learning*. Dalam Osborne, M., & Gallacher, J. (Editor.), *Proceedings of Reseaching Widening Access-International Perspectives Conference*. Glasgow: Centre for Research in Lifelong Learning.

- Heinz, M. (2008). *The Composition of Applicants and Entrants to Teacher Education Programmes in Ireland: Trends and Patterns. Irish Educational Studies*. New York: John Wiley & Sons. 223-240.
- Hiebert, J., Gallimore, R. & Stigler, J.W. (2002). *A Knowledge Base For The Teaching Profession: What Would It Look Like And How Can We Get One?* Educational Researcher, 31 (5): 3-15.
- Hoffman, T. (1999). "The meanings of Competency". Journal of European Industrial Training, Vol 23, No.6, pp275-285.
- Ibrahim, M. S. (2005). *Teacher Education Reforms and Teacher Professional Standard: How can we help teachers to cope with the changes and challenges in education? Kertas Kerja Persidangan Antarabangsa ke-12 Rangkaian Penyelidikan Literasi dan Pendidikan dalam pembelajaran di Fakulti Pendidikan*. Universiti Granada, Sepanyol, 11-14 Julai 2005.
- Illeris, J. (2003). *The Development Of A Learning Styles Program In An Affluent, Suburban New York Elementary School*. Journal of Reading, Writing, and Learning Disabilities International. 6: 315-322.
- Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka (2013). *Kamus Dewan Edisi Keempat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Karoulis et al. (2004). *An Expert-Based Evaluation Concerning Human Factors in ODL Programs: A Preliminary Investigation. Dalam E-education Applications: Human Factors and Innovative Approaches*. (Claude Ghaoui, editor). UK:Idea Group Inc.
- Konting M. N. (2005). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- KPM (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 – 2025*. Dicapai pada November, 1, 2015 dari <http://www.jpwpkl.moe.gov.my/download/phocadownload/sector/spm/upm/pm%202013-2025.pdf>
- Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. (1970). *Determining sample sizes for research activities*. Educational and Psychological Measurement, 607-610.
- Lewis and Tsuchida (2003). *A lesson is like a swiftly flowing river: How research lessons improve Japanese education*. American Educator. Winter: 12–17.
- Lloyd, J (2004). *Competencies Are New Tools To Test Skills At Work*. Jane Lloyd and Associates, Wausau, Daily Herald, August 8, 2004.

- Long J., Khalid Abdullah, Zaini Mahbar, Puteh Mohamed, Zarin Ismail, Raja Fauzi Raja Musa & Wamoh Katiman. 2002. *Pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu bagi memenuhi dasar pendidikan dan dasar sumber manusia abad ke-21*. Projek IRPA 07- 02-02-0049. Fakulti Pendidikan, UKM.
- Luthans, F., 2005, *Organizational Behavior*, Mc Graw-Hill Book Co-Singapore, Singapura, 120-121.
- Marcia (2004). *Learn More Now: 10 Simple Steps to Learning Better, Smarter, and Faster*. London: Wiley. 37-78.
- Marican S. (2005) *Kaedah Penyelidikan Sains Sosial*. Petaling Jaya: Prentice Hall.
- Marsick, V.J & Watkins, K.E. (2001). *Informal and Incidental Learning in a Workplace*. New York: Routledge and Keagan Paul
- McGivney, V.(2002). *Informal Learning In The Community. A Trigger For Change And Development*. Lancaster: NIACE.
- Merriam, S. dan Baumgartner, G. (2007). *Informal And Non Formal Learning : Is There Really Such A Thing As Informal Learning?* Dicapai pada November 11, 2015 dari [http://www.infed.org/features/informal_learning .htm](http://www.infed.org/features/informal_learning.htm).
- Michael, M. (2010). *The Reference Librarian: Working Together: Academic Librarians and Faculty Collaborating to Improve Students' Information Literacy Skills: A Literature Review 2000–2009*.
- Minhad H. 2004. *Strategi pengajaran komponen sastera dalam bahasa Melayu di SMK dan SMJK di negeri Melaka*. Kertas Projek Sarjana Pendidikan, Fakulti Pendidikan, UKM.
- Mohamad, M. (2004). *Prinsip Pembelajaran Orang Dewasa*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Mohamed Ahasan, N. (2006). *Kesediaan Guru-guru Bukan Opsyen Mata Pelajaran Kemahiran Hidup di Sekolah-sekolah Menengah Dalam Daerah Kluang*. Universiti Teknologi Malaysia: Projek Ijazah sarjana Muda.
- Nik Mahmood N. H. (2005). *Pembelajaran Informal Pengetahuan dan Kemahiran Pengurusan dan Pemindahan Pembelajaran Di Kalangan Ketua Jururawat*. Tesis Ph.D UPM. Tidak diterbitkan
- Omar S. S. (2006). *Pembelajaran Informal Di Tempat Kerja: Satu kajian Di Maktab Perguruan Batu Pahat, Johor*. Skudai: UTM: Tesis Sarjana: Tidak diterbitkan.

- Othman A. J. & Omar B. (2005). *Aplikasi pembelajaran secara konstruktivisme dalam pengajaran karangan berpandu*. Makalah Pendidikan, 4: 6- 8
- Othman N, Mohammed Sani Ibrahim dan Zamri Mahamod. (2007). *Penyelidikan Pendidikan Guru Novis. Profesionalisme Guru Novis: Model Latihan. Edisi Kedua..* Fakulti Pendidikan UKM, Bangi. 1-24.
- Othman, Y (2008). *Proses Dan Strategi Membaca Berkesan*. Serdang: Penerbitan. Universiti Putra Malaysia.
- Penny M. Beile dan David N. Boole. (2002). *Library Instruction And Graduate Professional Development: Exploring The Effect Of Learning Environments On Self-Efficacy And Learning Outcomes. The Alberta Journal of Educational Research*. Vol. XLVIII, No. 4, Winter 1002. University of Central Florida, USA. 364-36
- Piaget, S. (1969). *Changing Approaches To Teaching: A Relational Perspective*. Studies in Higher Education.21(3).275-284.
- Postholm, M. (2011). *Self-regulated learning in teaching: students' experiences. Teachers and Teaching*. British Journal of Educational Psychology. 1(3): 30-38.
- Putnam, R.T. & Borko, H. (2000). *What Do New Views of Knowledge And Thinking Have To Say About Research OnTeacher Learning?* Educational Researcher, 29(1): 4-15.
- Quek, F., El-Glaly, Y., and Oliveira, F. (2013). *Supporting Learning for Individuals with Visual Impairment. IEEE Workshop on Multimodal and Alternative Perception for Visually Impaired People (MAP4VIP), 2013 (ICME Workshop)*.
- Richards, Jack C., dan Thomas S. C. Farrell. (2005). *Professional Development For Language Teachers*. New York: Cambridge University Press.
- Rivera, R. dan A. Paradise.(2006). *State of the Industry in Leading Enterprises: ASTD's Annual Review of Trends in Workplace Learning and Performance*. American Society for Training and Development. Alexandria.
- Rovai, A. P. (2002). *Development of an instrument to measure classroom community. Internet and Higher Education*, 5(3), 197 – 211.RR191.pdf.
- Salleh, N and Ab. Samad, R. S. (1995). *Faktor-faktor Mempengaruhi Motivasi Guru*. JPPG Seminar, UTM, Johor Bahru.

- Salleh, S. (2005). *Pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu: Kajian kes di sebuah sekolah rendah di daerah Jerantut, Pahang Darul Makmur*. Jurnal IPBA, 3 (2).
- Satute, M. (2003). *Kesediaan Guru-guru Bukan Opsyen Melaksanakan Program MPV di Sekolah-sekolah Menengah Akademik Negeri Johor dan Melaka*. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Ijazah Sarjana Muda
- Shulman, L.S. (2000). *Domain Expertise And Pedagogical Knowledge*. Journal of Applied Development Psychology, 21: 129-135.
- Sihes, A.J. (2012). *Konsep pembelajaran*. In A. Yahya (Ed.). Psikologi Pendidikan (pp. 1-8). Universiti Teknologi Malaysia.
- Sillitoe, P.. (1998). *The Development of Indigenous Knowledge: A New Applied Anthropology*. *Current Anthropology*, 39(2), 223–252. <http://doi.org/10.1086/204722>
- Sparks, D. (2003), *Interview with Fullan: Change Agent*. Journal of Staff Development, 24(1).
- Stein, D., & Imel, S. (2002). *Adult learning community: Themes and threads*. Dalam Stein, D., & Imel, S. (Editors.), *Adult learning in community: New directions for adult and continuing education*. San Francisco: Jossey- Bass.
- Sulaiman, E. (2003). *Modul Pengajaran Asas Pedagogi*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Svenson, L. Ellström, P-E. dan Aberg, C. (2004). *Intergrating and Informal Learning At Work*. Journal of Workplace Learning. Vol 16 Iss. 8: 479-491.
- Talesra, Hemlata, Marashdeh, Wasef, Nagda, M. L. (2003). *Internet In Education Computer Managed Instruction*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Tan, Parsons, Hinson & Sardo-Brown. (2003). *Educational Psychology : A Practitioner Reseacher Approach*. United Kingdom: Thompson.
- Teo, H. H. Wang, X. Wei, K. K. Sia, (2013). *Learning Culture*. Journal of the American Society for Information Science and Technology. Volume 50 (2): 200–212.
- Von Glasersfeld, E. (1989). *Constructivism In Education*. New York: John Wiley & Sons, Inc. 128.
- Wan Ali, W. Z. (2000). *Memahami Pembelajaran*. Kuala Lumpur: Utusan Publication

- Wertsch, J.V (1997). *Vygotsky And The Formation Of The Mind*. Harvard University Press, Cambridge, MA.
- Whittaker, M. dan Cartwright, A. (2000). *The Mentoring Manual*. Hampshire: Gower Publishing Limited.
- Yahaya, A., Shahrin Hashim, Jamaludin Ramli, Yusof Boon dan Abdul Rahim Hamdan. (2011). *Menguasai penyelidikan dalam pendidikan*. Kuala Lumpur: PTS Profesional Publishing. 3-27.
- Zakaria S. N. (2003). *Strategi pengajaran KOMSAS dalam mata pelajaran Bahasa Melayu: satu kajian kes*. Kertas Projek Sarjana Pendidikan, Fakulti Pendidikan
- Zakaria Z. (2011). *Pengetahuan Pedagogi Isi Kandungan (PPIK) Guru Biologi Permulaan Dan Berpengalaman: Satu Kajian Kes*. Universiti Pendidikan Sultan Idris: Ijazah Sarjana.